



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA**

**SEMPENA:**

**PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG 2020**

**ANJURAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**4 JULAI 2020 (SABTU)  
11.00 PAGI**

**VIVACITY MEGAMALL, KUCHING, SARAWAK**

**TERIMA KASIH SAUDARA Pengerusi Majlis**

**YB DATUK Haji Mohd Narden Bin Haji Majais  
Menteri Muda Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
Industri Terminal dan Pembangunan Usahawan**

**YBHG. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Bin Haji Ahmad  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal EHWAL Pengguna**

**Pengarah-Pengarah Jabatan dan Agensi Persekutuan  
dan Negeri**

**Pemimpin-Pemimpin Masyarakat**

**Persatuan-Persatuan NGO**

**Para Usahawan Tempatan Negeri Sarawak**

**Sahabat-Sahabat Media**

**YBHG. Dato'-Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan Hadirin yang saya  
hormati sekalian**

**SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.**

**1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYUKUR KEPADA TUHAN YANG MAHA KUASA KERANA DAPAT KITA SEMUA HADIR DI DALAM PERASMIAN PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG 2020 YANG DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) DI VIVACITY MEGAMALL, KUCHING, SARAWAK PADA PAGI INI.**

**2. PADA KESEMPATAN INI, SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YB DATUK HAJI MOHD NARODEN BIN HAJI MAJ AIS, MENTERI MUDA PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, INDUSTRI TERMINAL DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI SARAWAK BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI SARAWAK YANG BERSAMA-SAMA KITA PADA HARI INI.**

**3. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA PARA PEGAWAI KPDNHEP ATAS KEJAYAAN MEREKA DALAM MENGANJUR DAN PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG PADA TAHUN INI. SUKA SAYA MENARIK PERHATIAN HADIRIN SEKELIAN BAHAWA NEGERI SARAWAK TELAH DIBERIKAN PENGHORMATAN SEBAGAI NEGERI YANG PERTAMA YANG DIPILIH SEBAGAI LOKASI PENGANJURAN KEMPEN JELAJAH SELURUH NEGARA DALAM MEMPROMOSIKAN BARANGAN TEMPATAN INI.**

**4. KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH MERUPAKAN SATU INISIATIF KERAJAAN YANG BERSKALA BESAR, MENGHIMPUNKAN PELBAGAI JENIS JENAMA PERNIAGAAN YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KLUSTER PERKHIDMATAN SERTA MENAWARKAN PELBAGAI PRODUK PILIHAN KEPADA PARA PENGGUNA PADA HARGA YANG BERPATUTAN. SESUNGGUHNYA USAHA KPDNHEP DALAM MENGANJURKAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA DAN KEMPEN JUALAN MALAYSIA SECARA BERSEPADU INI SEWAJARNYA DICONTOHI OLEH SEMUA PIHAK DALAM MEMBERIKAN LEBIH PILIHAN KEPADA MASYARAKAT DALAM BERBELANJA.**

**5. PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG 2020 YANG MERUPAKAN SUB-PROGRAM KEPADA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMPROMOSIKAN PRODUK-PRODUK TEMPATAN DAN MERANCAKKAN EKONOMI DOMESTIK. PROGRAM INI JUGA MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF KERAJAAN BAGI MEMBANTU SYARIKAT-SYARIKAT DAN USAHAWAN-USAHAWAN TEMPATAN DALAM MEMASARKAN PRODUK-PRODUK MEREKA KEPADA ORANG RAMAI. PENGANJURAN KEMPEN BARANGAN MALAYSIA INI MERUPAKAN SATU PENDEKATAN YANG TERBAIK DAN BERKESAN BAGI MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PERMINTAAN TERHADAP BARANGAN DAN PERKHIDMATAN KELUARAN TEMPATAN. KEMPEN INI MENYERU PARA PENGGUNA DI NEGARA INI KHUSUSNYA DALAM KONTEKS INI, PARA PENGGUNA DI NEGERI SARAWAK BAGI MENGUTAMAKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA**

**SEKALIGUS MENINGKATKAN KESEDARAN SERTA SEMANGAT PATRIOTISME DI KALANGAN RAKYAT DALAM MEMBANTU PENGUSAHA TEMPATAN UNTUK MEMPROMOSIKAN PELBAGAI BENTUK BARANGAN, PRODUK DAN PERKHIDMATAN BUATAN TEMPATAN BAGI MERANCAKKAN KEMBALI SEKTOR PERUNCITAN DAN MENGEMBALIKAN PERMINTAAN PASARAN DALAM NEGARA KHUSUSNYA SELEPAS PASCA PANDEMIK COVID-19 YANG MELANDA NEGARA BARU-BARU INI.**

**6. SAYA YAKIN BAHAWA INISIATIF KERAJAAN MEMPROMOSIKAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI BERTUJUAN UNTUK MENGGALAKKAN PENGUKUHAN PERDAGANGAN DOMESTIK DENGAN MENYEDIAKAN PLATFORM KEPADA PENGELUAR ATAU PENGEDAR DALAM MEMASAR DAN MEMPROMOSIKAN PRODUK SERTA BARANGAN KEPERLUAN SECARA TERUS KEPADA PENGGUNA. INI ANTARA LAINNYA, BAGI MEWUJUDKAN SUATU PROGRAM KHUSUS MELALUI SEKTOR PERDAGANGAN DALAM NEGERI DENGAN KERJASAMA PENGELUAR, PERUNCIT DAN PENIAGA, DI SAMPING MEWUJUDKAN SINERGI PERMUAFAKATAN ANTARA KERAJAAN DAN PENIAGA, SEKALIGUS MEREALISASIKAN SEBUAH PROGRAM YANG DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT DAN IMPAK YANG BEGITU BESAR KEPADA RAKYAT.**

**7. KEMPEN UNTUK MERANCAKKAN EKONOMI DOMESTIK PERLU DIPERGIAT DAN DIPERKUKUHKAN SECARA KOMPREHENSIF KERANA CABARAN GLOBALISASI PERNIAGAAN KINI BANYAK**

**MENYUMBANG KEPADA PEMBELIAN BARANGAN DARIPADA LUAR NEGARA. JUSTERU, LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMPERKASAKAN PERBELANJAAN DALAM NEGARA MENERUSI INISIATIF SEPERTI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA DAN KEMPEN JUALAN MALAYSIA INI ADALAH BERTEPATAN DAN SANGAT SIGNIFIKAN BAGI MENGIMBANGI CABARAN SERTA TEKATAN GLOBALISASI EKONOMI SEMASA, KHUSUSNYA UNTUK MERANCAK DAN MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK MELALUI PENINGKATAN PEMBELIAN DAN PENGGUNAAN PRODUK ATAU PERKHIDMATAN TEMPATAN. PROMOSI BARANGAN BUATAN TEMPATAN SECARA TERUS KEPADA PENGGUNA YANG TERBUKTI DAPAT MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG KEWUJUDAN DAN KUALITI PRODUK BUATAN TEMPATAN.**

**8. PERKEMBANGAN SEKTOR PERDAGANGAN DALAM NEGERI KHUSUSNYA DALAM BIDANG PERUNCITAN BERIKUTAN PERMINTAAN DOMESTIK YANG TINGGI AKAN TURUT MEMBERIKAN KESAN LIMPAHAN DI MANA IA AKAN MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN SEKALIGUS MENGURANGKAN KADAR PENGANGGURAN DALAM NEGARA. SECARA UMUMNYA, KEDUDUKAN EKONOMI MALAYSIA DAN TAHAP SOSIO-EKONOMI RAKYAT ADALAH BAIK DAN INI DAPAT DIBUKTIKAN MELALUI KEHIDUPAN SEHARIAN PADA MASA INI DI MANA KITA DAPAT LIHAT RAMAI RAKYAT KITA KINI, SEMAKIN BAIK KUALITI KEHIDUPAN MEREKA.**

**9. KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH SEJAJAR DENGAN HASRAT KERAJAAN DALAM USAHA UNTUK MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT YANG JUGA MENJADI ANTARA FOKUS UTAMA INISIATIF-INISIATIF YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN. DALAM MENJAYAKAN USAHA INI, SEMUA PIHAK PERLU BERGANDING BAHU UNTUK MENJAYAKAN KEMPEN YANG BERORIENTASIKAN KEPENGGUNAAN SEPERTI INI TERUTAMANYA DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA BAGI MEMBANTU MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI INDUSTRI TEMPATAN DAN SETERUSNYA MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA PRODUK IMPORT. UNTUK MAKLUMAN, PADA TAHUN 2019 YANG LEPAS, JUMLAH JUALAN KESELURUHAN YANG DICATATKAN BAGI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH BERJUMLAH RM513 JUTA IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 23.3 PERATUS DARIPADA TAHUN 2018.**

**10. NAMUN DEMIKIAN, HARUS DIFAHAMI BAHAWA APABILA KITA MENYENTUH BERKAITAN KOS SARA HIDUP SECARA UMUM, PARA PENGGUNA SEWAJARNYA BERBELANJA DENGAN BIJAK DAN MENGIKUT KEMAMPUAN MASING-MASING. INGIN DITEKANKAN DI SINI BAHAWA PEMBANGUNAN NEGARA BUKAN HANYA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN, MALAH SETIAP RAKYAT MEMPUNYAI PERANAN DALAM MENYOKONG USAHA MEMAJUKAN NEGARA. PEMBANGUNAN PESAT YANG DICAPAI SELAMA INI TELAH MEMBERI BANYAK FAEDAH KEPADA SEMUA PIHAK. NAMUN, KITA HANYA AKAN BERJAYA DALAM PERSEKITARAN YANG MENCABAR SEKIRANYA RAKYAT BERSEDIA**

**MEMBUAT PERUBAHAN GAYA HIDUP, BERJIMAT CERMAT SERTA BERUSAHA DENGAN TEKUN DEMI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, KECEKAPAN DAN DAYA SAING, SERTA MENINGKATKAN KEMAMPUAN INOVASI DAN DAYA KREATIF.**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

**11. PADA TAHUN INI, SAMA SEBAGAIMANA PADA TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA, KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN MANDAT KEPADA KPDNHEP UNTUK MELAKSANAKAN SECARA AGRESIF SEBUAH KEMPEN KHUSUS UNTUK MEMUPUK KESEDARAN RAKYAT MALAYSIA BAGI MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN BARANGAN TEMPATAN. TUJUAN KEMPEN INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MENYEMAI SEMANGAT PATRIOTISME DAN RASA BANGGA RAKYAT MALAYSIA TERHADAP BARANGAN KELUARAN TEMPATAN, YANG SAYA RASAKAN SEKARANG INI SUDAH BOLEH BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN PRODUK-PRODUK LUAR NEGARA. JUSTERU, SEKIRANYA SEMUA RAKYAT MALAYSIA MENYOKONG INISIATIF INI DENGAN MEMPERTINGKATKAN PEMBELIAN BARANGAN TEMPATAN, SUDAH TENTUNYA IA AKAN MERANCAKKAN EKONOMI DOMESTIK DI NEGARA INI, MEMPERTINGKATKAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR MALAYSIA (KDNK) DAN SEKALIGUS MENGELAKKAN PENGALIRAN WANG KELUAR DARI NEGARA INI.**

**12. OLEH ITU, SAYA MENYERU MARILAH KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA AGAR MEMPERTINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME TERHADAP NEGARA KITA MALAYSIA DAN MEMBANTU MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA DENGAN MENUNJUKKAN**



**SOKONGAN DALAM MENGUTAMAKAN BARANGAN MALAYSIA DAN MEMPERBANYAKKAN BERBELANJA BARANGAN TEMPATAN AGAR EKONOMI KEKAL BERLEGAR DI DALAM NEGARA TANPA BANYAK PENGALIRAN WANG KELUAR. JUGA SUDAH TENTUNYA SEBAGAI SEORANG PENGGUNA DI NEGARA INI, KITA PASTIKAN SETIAP PERBELANJAAN JUGA ADALAH LEBIH NILAI UNTUK WANG (*VALUE FOR MONEY*), BERPATUTAN DAN BERKUALITI.**

**13. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PELANCARAN PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG 2020. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA RAKAN DAGANG DAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG SUDI BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN BAGI MEREALISASIKAN USAHA DAN INISIATIF KERAJAAN UNTUK TERUS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT.**

**14. SAYA DENGAN INI, MERASMIKAN PROGRAM CITARASA MALAYSIA@BUMI KENYALANG BAGI TAHUN 2020.**

**SEKIAN, SALAM HORMAT DAN TERIMA KASIH.**